

Nasional

Guna rakaman video tingkat pembelajaran

Syor kaedah mengajar guru terpilih dikongsi sekolah seluruh negara

Daripada Hizreen Azleena Kamal di Kyoto

Kaedah pengajaran secara rakanan video oleh guru terpilih akan diperkenalkan di sekolah tidak lama lagi bagi memudahkan dan mempertingkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kaedah itu akan dikongsikan dengan sekolah lain untuk memberi manfaat kepada pelajar dan guru di

sekolah masing-masing.

"Kita cuba memudahkan pengajaran kerana tidak semua guru sama. Apa yang kita hendak lakukan ialah memanfaatkan guru yang baik, rekodkan cara pengajaran mereka dan berkongsi pengajaran itu dengan guru sekolah lain."

"Guru berkenaan kemudian akan membimbang dan menjelaskan kepada pelajar mereka."

"Pada masa sama, mereka juga akan belajar. Kualiti pengajaran akan menjadi lebih baik menerusi sistem ini," katanya ketika lawatannya ke Sekolah Rendah Ritsumeikan di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir dihidangkan teh Jepun yang disediakan murid darjah enam pada majlis minum teh.

Perdana Menteri juga meluangkan masa selama 90 minit melihat teknologi robotik, maklumat dan


komunikasi serta kelas membuat pasu.

Sekolah Rendah Ritsumeikan adalah sekolah pertama di Jepun menggabungkan pendekatan tradisional dan moden dalam kaedah pembelajarannya.

Sementara itu, dalam majlis bersandingan Dr Mahathir melancarkan buku *Apa Habaq Orang Muda?* edisi bahasa Jepun.

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), dalam satu keadaan memaklumkan penerbitan buku itu antara lain bagi memberi peluang kepada rakyat Jepun, khususnya generasi muda, memahami dan mendalami pemikiran Dr Mahathir sebagai seorang tokoh negara yang disegani.

Buku tulisan bersama Chedet (nama pena Dr Mahathir) dan Matrodi (Radzi Tajuddin) itu diterbitkan kali pertama dalam bahasa Melayu pada 2016.



Dr Mahathir melawat kelas robotik di Sekolah Rendah Ritsumeikan, Kyoto, semalam.
(Foto BERNAMA)